

04 DEC 1998

PEMBERIAN BANTUAN RM400 DIBINCANG DALAM MESYUARAT EXCO

KUALA TERENGGANU, 4 Dis (Bernama) -- Pemberian bantuan RM400 kepada kakitangan kerajaan negeri ini akan dibincangkan terlebih dahulu pada mesyuarat mingguan Exco sebelum pemberian itu diluluskan, kata Setiausaha Akhbar Menteri Besar Terengganu Ruslan Abd Rahman hari ini.

Beliau berkata, seperti lazimnya kerajaan negeri akan mengikut amalan yang dibuatkan oleh kerajaan pusat dalam pemberian sebarang bentuk bantuan atau bonus kepada kakitangan kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, pemberian itu hendaklah terlebih dahulu dibincangkan dan dipertimbangkan dalam mesyuarat Exco sebelum keputusan pemberian bantuan itu diluluskan," katanya mengulas laporan akhbar hari ini bahawa Kerajaan Terengganu bersedia memberikan bantuan RM400 kepada semua kakitangannya tahun ini.

Menurutnya kerajaan negeri mengalu-alukan keputusan kerajaan pusat untuk memberikan bantuan tersebut sebagai tanda prihatin dan berterima kasih terhadap sumbangan kakitangan sektor awam dalam pembangunan negara.

Rabu lepas, ketika merasmikan konvensyen Cuepacs ke 21 di Pusat belia Antarabangsa Cheras, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan memberikan bantuan RM400 seorang kepada semua kakitangannya, kecuali mereka dalam jawatan utama sektor awam.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ekonomi dan kewangan kerajaan begitu berkurangan sehingga negara akan mengalami defisit RM16 bilion bagi 1999, tetapi kerajaan sedar akan masalah yang dihadapi oleh kakitangannya.

-- BERNAMA

AYB RHM